

TERHAD



**LEMBAGA PEPERIKSAAN
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA**

SIJIL PELAJARAN MALAYSIA 2020

**PENDIDIKAN SENI VISUAL
KAJIAN REKAAN SENI VISUAL
KERJA KURSUS
Kertas 3
Februari – Julai**

2611/3

-
-
1. *Kertas ini mengandungi sembilan tugas: Tugasan 1 hingga Tugasan 9.*
 2. *Calon dikehendaki melaksanakan satu tugas sahaja.*
 3. *Calon dikehendaki melaksanakan tugas tersebut dan memenuhi semua aspek yang ditetapkan.*

Kertas ini mengandungi 20 halaman bercetak.

[Lihat halaman sebelah
TERHAD

ARAHAN KEPADA CALON

1. Calon SPM yang mengambil mata pelajaran Pendidikan Seni Visual **wajib** melaksanakan kerja kursus ini. Calon yang tidak melaksanakan kerja kursus ini akan dianggap **tidak hadir** bagi mata pelajaran Pendidikan Seni Visual.
2. Kajian Rekaan Seni Visual hendaklah dilaksanakan secara **individu** dari bulan **Februari** hingga bulan **Julai 2020**.
3. Dokumentasi serta catatan bukti kajian hendaklah **ditulis tangan** atau menggunakan **cetakan komputer**.
4. Semua bukti kajian, lakaran proses dan hasil rekaan mesti **asli**, dihasilkan sendiri oleh calon dan tidak ditiru daripada mana-mana sumber.
5. Bukti kajian dan lakaran kajian mesti dihasilkan menggunakan kertas berukuran lebih kurang 28 cm × 38 cm.
6. Calon mesti mendapatkan **bimbingan guru mata pelajaran** dalam pemilihan tugas dan sepanjang pelaksanaan kerja kursus tersebut.
7. Calon hendaklah mendapatkan **pengesahan** daripada guru pembimbing setiap kali sesi perbincangan dengan mendapatkan **tandatangan guru** dan **tarikh**.
8. Calon mesti memenuhi semua **aspek** dalam kriteria penskoran untuk mendapatkan gred **Cemerlang** dan **Baik**. Gred **Cemerlang** dan **Baik** akan dicatat dalam sijil pencapaian calon yang akan dikeluarkan oleh pihak sekolah. Pencapaian **Memuaskan**, **Sederhana** dan **Tidak Mencapai Tahap Minimum** tidak akan dicatat di dalam sijil.
9. Lakaran yang menggunakan **komputer sepenuhnya** dihadkan kepada **tiga** helai sahaja.
10. Calon boleh menggunakan **warna** dan **media** lain untuk lakaran kajian.
11. Hasil kerja calon mesti dilakukan secara **manual** dan calon **tidak** dibenarkan menghasilkan kerja dalam bentuk **kolaj** sepenuhnya.
12. Semua bukti hasil kajian hendaklah dimasukkan ke dalam satu sampul **portfolio**. Calon digalakkan **menjilid** hasil kajian.
13. **Penilaian proses kerja** dan **pemberian markah** calon akan dilakukan sepanjang masa kerja kursus dilaksanakan berdasarkan aspek dan kriteria.
14. Semua hasil kajian, lakaran proses dan hasil rekaan hendaklah kemas.

[Lihat halaman sebelah
TERHAD

TUGASAN 1

BIDANG : **KOMUNIKASI VISUAL**
TAJUK : **PEMBUNGKUSAN**
PRODUK : **PEMBUNGKUS SANDWICH**

SITUASI

Seorang pengusaha *sandwich* ingin meluaskan pasaran *sandwich* khas untuk kanak-kanak. Untuk menarik minat kanak-kanak, beliau merancang untuk menambah baik pembungkus *sandwich* yang sedia ada agar dapat menarik minat pembeli dari kalangan kanak-kanak.

TUGASAN

Anda dikehendaki membuat kajian dan menghasilkan reka bentuk pembungkus *sandwich* yang ceria dan mampu menarik minat kanak-kanak.

Portfolio kajian anda hendaklah mengandungi perkara berikut:


1. Koleksi gambar pelbagai reka bentuk pembungkusan, muka taip, ilustrasi, dan aspek-aspek lain yang berkaitan sebagai sumber ilham dengan catatan.
2. Koleksi pelbagai gambar *sandwich* sebagai sumber ilham dengan catatan.
3. Koleksi pelbagai hal benda sebagai sumber ilham dengan catatan.
4. Lukisan atau catan realistik *sandwich* dan hal benda yang dipilih.
5. Lakaran reka bentuk pembungkus berserta lukisan hamparan dengan skala dan catatan.
6. Lakaran perkembangan idea muka taip, ilustrasi dan aspek-aspek lain yang berkaitan dengan catatan.
7. Lakaran olahan idea reka letak muka taip, ilustrasi, dan aspek-aspek lain dengan catatan.
8. Kajian warna reka bentuk pembungkus dengan catatan dan skema warna.
9. Hamparan penuh reka bentuk pilihan.
10. Ilustrasi persembahan yang menggambarkan fungsi dalam situasi sebenar.
11. Lukisan alat dan bahan yang digunakan dengan catatan.
12. Lukisan atau gambar foto proses dan teknik penghasilan dengan catatan.

[Lihat halaman sebelah
TERHAD

Berdasarkan kajian tersebut, model reka bentuk pembungkus *sandwich* anda hendaklah mengikut spesifikasi berikut:

Bahan	:	Bebas dan bersesuaian
Ukuran minimum	:	24 cm × 12 cm × 24 cm
Warna	:	Bebas
Teknik	:	Catan
Tema	:	Berdasarkan kajian
Kapsyen	:	Berdasarkan kajian

Contoh:



Nota:

1. Hasil kerja anda hendaklah kemas dan stabil.
2. Portfolio anda hendaklah bermaklumat.

[Lihat halaman sebelah
TERHAD

TUGASAN 2**BIDANG :****REKA BENTUK****TAJUK :****HIASAN DALAMAN****PRODUK :****HIASAN DALAMAN RUANG KELAS TADIKA****SITUASI**

Seorang pemilik tadika mahu menambah baik hiasan dalaman ruang kelas pembelajaran. Hiasan dalaman tersebut dapat menimbulkan suasana ceria dan keseronokan untuk belajar dan merangsang minat murid untuk hadir ke tadika setiap hari.

TUGASAN

Anda dikehendaki membuat kajian dan menghasilkan hiasan dalaman ruang kelas pembelajaran tadika yang ceria dan dapat menimbulkan keseronokan belajar.

Portfolio kajian anda hendaklah mengandungi perkara berikut:

1. Koleksi gambar pelbagai jenis ruang kelas tadika sebagai sumber ilham dengan catatan.
2. Koleksi gambar perabot dan kelengkapan sebagai sumber ilham dengan catatan.
3. Lukisan atau catan realistik hiasan dalaman ruang kelas tadika.
4. Lukisan atau lakaran pelan konsep susun atur ruang di atas pelan asal.
5. Lakaran perkembangan idea perabot dan kelengkapan berdasarkan tema yang dipilih dengan catatan.
6. Lukisan pelan lantai berserta perabot dan kelengkapan mengikut skala.
7. Kajian ergonomik.
8. Kajian warna dengan skema warna dan catatan.
9. Lukisan tiga sudut perspektif yang menarik.
10. Ilustrasi persembahan dalam situasi sebenar.
11. Lukisan alat dan bahan yang digunakan dengan catatan.
12. Lukisan atau gambar foto proses dan teknik penghasilan dengan catatan.

[Lihat halaman sebelah
TERHAD

Berdasarkan kajian tersebut, model hiasan dalaman ruang kelas tadika anda mestilah mengikut spesifikasi berikut:

Bahan	:	Bebas
Ukuran minimum	:	40 cm × 30 cm × 20 cm
Tema	:	ATAU mengikut skala berdasarkan kajian Berdasarkan kajian

Contoh:



Sumber: <https://www.pinterest.com/pin/463448617876845427/?lp=true>

Nota:

1. Hasil kerja anda hendaklah kukuh dan stabil.
2. Hiasan dan perabot hendaklah dihasilkan sendiri oleh calon.
3. Portfolio anda hendaklah bermaklumat.

[Lihat halaman sebelah
TERHAD

TUGASAN 3

BIDANG : KOMUNIKASI VISUAL
TAJUK : ILUSTRASI
PRODUK : SETEM EDISI PERINGATAN

SITUASI

Sempena hari kanak-kanak sedunia pada tahun 2020, Pos Malaysia akan melancarkan setem edisi peringatan.

TUGASAN

Anda dikehendaki membuat kajian dan menghasilkan ilustrasi setem edisi peringatan bernilai RM1. Setem tersebut bertemakan permainan tradisional kanak-kanak Malaysia.

Portfolio kajian anda hendaklah mengandungi perkara berikut:

1. Koleksi gambar pelbagai setem sebagai sumber ilham dengan catatan.
2. Koleksi gambar pelbagai jenis permainan tradisional kanak-kanak Malaysia sebagai sumber ilham dengan catatan.
3. Lukisan atau catan realistik setem yang dipilih.
4. Lakaran dan perkembangan idea berdasarkan tema yang dipilih dengan catatan.
5. Kajian tipografi dengan catatan.
6. Lakaran reka letak ilustrasi dengan tipografi serta catatan.
7. Kajian warna dengan catatan dan skema warna.
8. Ilustrasi persembahan dalam situasi sebenar.
9. Lukisan alat dan bahan yang digunakan dengan catatan.
10. Lukisan atau gambar foto proses dan teknik penghasilan dengan catatan.

[Lihat halaman sebelah
TERHAD

Berdasarkan kajian tersebut, setem edisi peringatan anda mestilah mengikut spesifikasi berikut:

Bahan	:	Kertas
Ukuran minimum	:	50 cm × 70 cm
Tema	:	Permainan tradisional kanak-kanak Malaysia
Teknik	:	Catan
Kapsyen	:	MALAYSIA RM1 serta yang berkaitan dengan kajian

Contoh:



Nota:

1. Hasil kerja anda hendaklah kemas dan dibingkaikan.
2. Portfolio anda hendaklah bermaklumat.

[Lihat halaman sebelah
TERHAD

TUGASAN 4

BIDANG : **KOMUNIKASI VISUAL**
TAJUK : **REKA CORAK**
PRODUK : **REKA CORAK KASUT KANVAS KANAK-KANAK**

SITUASI

Sebuah syarikat pengeluar kasut kanak-kanak akan mengeluarkan satu reka corak kasut terbaru sempena menyambut hari kanak-kanak pada tahun 2020.

TUGASAN

Anda dikehendaki membuat kajian dan menghasilkan satu reka corak sepasang kasut edisi khas untuk kanak-kanak berusia lingkungan 7 hingga 12 tahun. Reka corak tersebut dapat menggambarkan keceriaan diri kanak-kanak.

Portfolio kajian anda hendaklah mengandungi perkara berikut:

1. Koleksi gambar pelbagai jenis kasut kanvas kanak-kanak dengan catatan.
2. Koleksi gambar hal benda atau tema yang dipilih sebagai sumber ilham dengan catatan.
3. Lakaran reka bentuk kasut kanvas.
4. Lukisan realistik hal benda atau tema yang dipilih.
5. Lakaran olahan idea untuk menghasilkan reka corak berdasarkan hal benda atau tema yang dipilih dengan catatan.
6. Lakaran reka letak reka corak yang dipilih dengan catatan.
7. Kajian warna dengan catatan dan skema warna.
8. Lukisan dari tiga sudut pandangan berbeza.
9. Lukisan persembahan yang menggambarkan fungsi dalam situasi sebenar.
10. Lukisan alat dan bahan yang digunakan dengan catatan.
11. Lukisan atau gambar foto proses dan teknik penghasilan dengan catatan.

[Lihat halaman sebelah
TERHAD

Berdasarkan kajian tersebut, reka corak kasut kanvas kanak-kanak anda hendaklah mengikut spesifikasi berikut:

Bahan	:	Sepasang kasut kanvas
Ukuran minimum	:	Kesesuaian saiz kanak-kanak berumur lingkungan 7 hingga 12 tahun.
Bilangan warna	:	Bebas
Teknik	:	Catan/ilustrasi
Jenis Warna	:	Bersesuaian dengan kasut kanvas

Contoh:



Sumber: <https://www.shoes.com/skechers-burst-emoti-cutie-sneaker/788695>

Nota:

1. Hasil kerja anda hendaklah kemas.
2. Portfolio anda hendaklah bermaklumat.

[Lihat halaman sebelah

TUGASAN 5

BIDANG : KRAF TRADISIONAL
TAJUK : UKIRAN KAYU
PRODUK : PAPAN TANDA NAMA BERUKIR

SITUASI

Sebuah syarikat perabot akan mengeluarkan produk papan tanda nama berukir yang menarik. Papan tanda nama tersebut boleh diletakkan pada pintu bilik khas.

TUGASAN

Anda dikehendaki membuat kajian dan menghasilkan satu reka bentuk papan tanda nama berukir yang menggunakan ukiran tradisional dan bermotifkan flora.

Portfolio kajian anda hendaklah mengandungi perkara berikut:

1. Koleksi gambar pelbagai jenis papan tanda nama berukir sebagai sumber ilham dengan catatan.
2. Koleksi gambar pelbagai jenis ukiran kayu sebagai sumber ilham dengan catatan.
3. Koleksi gambar flora sebagai sumber ilham dengan catatan.
4. Lukisan atau catan realistik flora yang dipilih.
5. Lakaran perkembangan idea dengan catatan.
6. Reka letak motif pada reka bentuk papan tanda nama yang dipilih dengan catatan.
7. Kajian warna dengan catatan dan skema warna (jika berkenaan).
8. Lukisan tiga dimensi dari tiga sudut pandangan yang menarik.
9. Ilustrasi persembahan dalam situasi sebenar.
10. Lukisan alat dan bahan yang digunakan dengan catatan.
11. Lukisan atau gambar foto proses dan teknik penghasilan dengan catatan.

[Lihat halaman sebelah
TERHAD

Berdasarkan kajian tersebut, reka bentuk papan tanda nama berukir anda hendaklah mengikut spesifikasi berikut:

Bahan	:	Kayu yang bersesuaian
Ukuran minimum	:	30 cm × 20 cm
ATAU		
		Mengikut skala berdasarkan kajian
Tema	:	Flora
Teknik	:	Ukir bunga timbul

Contoh:



Sumber : https://s2.bukalapak.com/img/7116270851/m-1000-1000/papan_nama_meja_ukiran_kembang_bunga_bali___tatakan.jpg

Nota:

1. Hasil kerja anda hendaklah kemas.
2. Portfolio anda hendaklah bermaklumat.

[Lihat halaman sebelah
TERHAD

TUGASAN 6

BIDANG : KRAF TRADISIONAL
TAJUK : BATIK
PRODUK : REKA CORAK BAJU SEKOLAH

SITUASI

Sebuah sekolah ingin membuat satu reka corak batik khas untuk baju kurung atau kemeja sekolah mereka.

TUGASAN

Anda dikehendaki membuat kajian dan menghasilkan sehelai reka corak batik untuk baju kurung atau kemeja sekolah. Reka corak tersebut hendaklah menarik dan bermotifkan flora.

Portfolio kajian anda hendaklah mengandungi perkara berikut:

1. Koleksi gambar pelbagai baju kurung/kemeja batik sebagai sumber ilham dengan catatan.
2. Koleksi gambar pelbagai jenis reka corak batik sebagai sumber ilham dengan catatan.
3. Koleksi gambar pelbagai jenis flora sebagai sumber ilham dengan catatan.
4. Lukisan atau catan realistik flora yang dipilih.
5. Lakaran perkembangan idea reka corak dengan catatan.
6. Lakaran reka letak motif reka corak dengan catatan.
7. Kajian warna dengan catatan dan skema warna.
8. Ilustrasi persembahan dalam situasi sebenar.
9. Lukisan alat dan bahan yang digunakan dengan catatan.
10. Lukisan atau gambar foto proses dan teknik penghasilan dengan catatan.

[Lihat halaman sebelah
TERHAD

Berdasarkan kajian tersebut, reka corak baju kurung atau kemeja sekolah anda hendaklah mengikut spesifikasi berikut:

Bahan	:	Fabrik yang bersesuaian
Ukuran minimum	:	Saiz baju kurung atau kemeja yang bersesuaian
Tema	:	Berdasarkan kajian
Motif	:	Flora
Teknik	:	Batik canting

Contoh:



Sumber: <http://www.afawear.com/products/kemeja-batik-lelaki-noor-arfa-2>

Nota:

1. Hasil batik anda hendaklah dimatikan warna.
2. Portfolio anda hendaklah bermaklumat.

TUGASAN 7**BIDANG :****REKA BENTUK****TAJUK :****REKA BENTUK INDUSTRI****PRODUK :****KERUSI KANAK-KANAK PELBAGAI FUNGSI****SITUASI**

Sebuah syarikat perabot ingin mereka cipta sebuah kerusi pelbagai fungsi untuk kanak-kanak.

TUGASAN

Anda dikehendaki membuat kajian dan menghasilkan kerusi kanak-kanak pelbagai fungsi dan berinovasi.

Portfolio kajian anda hendaklah mengandungi perkara berikut:

1. Koleksi gambar pelbagai jenis kerusi kanak-kanak sebagai sumber ilham dengan catatan.
2. Koleksi gambar pelbagai hal benda sebagai sumber ilham dengan catatan.
3. Lukisan atau catan realistik hal benda yang dipilih.
4. Lakaran perkembangan idea dengan catatan.
5. Kajian ergonomik.
6. Kajian warna dengan catatan dan skema warna.
7. Lukisan tiga dimensi dari tiga sudut pandangan yang menarik.
8. Ilustrasi persembahan dalam situasi sebenar.
9. Lukisan alat dan bahan yang digunakan dengan catatan.
10. Lukisan atau gambar foto proses dan teknik penghasilan dengan catatan.

[Lihat halaman sebelah
TERHAD

Berdasarkan kajian tersebut, model kerusi kanak-kanak pelbagai fungsi anda hendaklah mengikut spesifikasi berikut:

Bahan	:	Bebas dan bersesuaian
Ukuran minimum	:	Panjang - 25 cm Lebar - 25 cm Tinggi - 45 cm
		ATAU
		Mengikut skala berdasarkan kajian
Tema	:	Bebas dan berdasarkan kajian
Teknik	:	Bebas

Contoh:



Sumber: <http://www.lushome.com/modern-furniture-kids-top-15-creative-tables-kids-rooms/62383>

Nota:

1. Anda boleh menghasilkan produk mengikut saiz sebenar.
2. Hasil kerja hendaklah kemas, kukuh dan stabil.
3. Portfolio anda hendaklah bermaklumat.

[Lihat halaman sebelah
TERHAD

TUGASAN 8

BIDANG : SENI HALUS
TAJUK : CETAKAN STENSIL
PRODUK : BEG TOTE

SITUASI

Pertubuhan Pencinta Alam Sekitar ingin mengedarkan beg tote kepada orang ramai sempena kempen kesedaran menjaga alam sekitar.

TUGASAN

Anda dikehendaki membuat kajian dan menghasilkan sebuah beg tote yang bertemakan kepentingan menjaga alam sekitar. Ilustrasi pada beg tersebut mestilah menggunakan teknik cetakan stensil.

Portfolio kajian anda hendaklah mengandungi perkara berikut:

1. Koleksi gambar pelbagai jenis beg tote sebagai sumber ilham dengan catatan.
2. Koleksi pelbagai hal benda yang berkaitan dengan tema sebagai sumber ilham dengan catatan.
3. Koleksi pelbagai jenis tipografi sebagai sumber ilham.
4. Lukisan atau catan realistik hal benda atau tema yang dipilih berdasarkan sumber ilham.
5. Lakaran perkembangan idea reka bentuk beg tote dengan catatan.
6. Lakaran perkembangan idea ilustrasi berdasarkan tema dengan catatan.
7. Lakaran perkembangan idea muka taip dengan catatan.
8. Lakaran reka letak pada hamparan beg tote dengan catatan.
9. Kajian warna dengan catatan dan skema warna.
10. Ilustrasi persembahan yang menggambarkan fungsi dalam situasi yang sebenar.
11. Lukisan alat dan bahan yang digunakan dengan catatan.
12. Lukisan atau gambar foto proses dan teknik penghasilan dengan catatan.

[Lihat halaman sebelah
TERHAD

Berdasarkan kajian tersebut, beg tote anda hendaklah mengikut spesifikasi berikut:

Bahan	:	Fabrik yang bersesuaian
Ukuran minimum	:	35 cm × 45 cm / ikut kesesuaian
Teknik	:	Cetakan stensil
Tema	:	Kepentingan menjaga alam sekitar
Bilangan warna minimum	:	3 warna
Kapsyen	:	Berdasarkan kajian anda

Contoh:



Nota:

1. Hasil kerja hendaklah dijahit.
2. Ilustrasi atau motif hendaklah dicetak pada kedua-dua permukaan beg.
3. Penggunaan teknik span tidak dibenarkan.
4. Portfolio anda hendaklah bermaklumat.

[Lihat halaman sebelah

TUGASAN 9**BIDANG : SENI HALUS****TAJUK : ARCA****PRODUK : ARCA TIMBULAN****SITUASI**

Seorang pereka bentuk hiasan dalaman memerlukan sebuah arca timbulan untuk dijadikan hiasan dinding sebuah hotel di tepi laut.

TUGASAN

Anda dikehendaki membuat kajian dan menghasilkan arca timbulan yang bertemakan hidupan laut.

Portfolio kajian anda hendaklah mengandungi perkara berikut:

1. Koleksi gambar pelbagai arca timbulan sebagai sumber ilham dengan catatan.
2. Koleksi gambar pelbagai hal benda sebagai sumber ilham dengan catatan.
3. Lukisan atau catan realistik hal benda yang dipilih sebagai sumber ilham.
4. Lakaran perkembangan idea dengan catatan.
5. Lukisan rekaan arca timbulan yang dipilih.
6. Kajian warna dengan catatan dan skema warna (jika berkenaan).
7. Lukisan perspektif hasil arca sebenar dari tiga sudut pandangan yang berbeza.
8. Ilustrasi persembahan dalam situasi sebenar.
9. Lukisan alat dan bahan yang digunakan dengan catatan.
10. Lukisan atau gambar foto proses dan teknik penghasilan dengan catatan.

[Lihat halaman sebelah
TERHAD

Berdasarkan kajian tersebut, arca timbulan anda hendaklah mengikut spesifikasi berikut:

Bahan	:	Bebas dan bersesuaian
Ukuran minimum	:	35 cm × 35 cm
Tema	:	Hidupan laut
Warna	:	Bebas
Teknik	:	Bebas dan bersesuaian

Contoh:



Sumber: <http://bilzrockfish.com/wp-content/uploads/2013/06/Invasion-of-the-Green-Crabs.jpg>

Nota:

1. Hasil kerja anda hendaklah kukuh dan kemas
2. Portfolio anda hendaklah bermaklumat.

TUGASAN TAMAT